

14,600kg baja kawalan dirampas

Kilang beroperasi sejak enam bulan lalu tidak mempunyai lesen barangan kawalan baja yang sah untuk menjalankan aktiviti penyimpanan, membungkus dan mengedar.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Perak, Khalid Tik berkata, pemilik premis mengaku tidak pernah membuat permohonan lesen ke pejabat KPDNHEP untuk menjalankan aktiviti berkenaan.

"Hasil pemeriksaan kita dapati pemilik premis menjadikan kilang ini sebagai stor simpanan baja.

"Selepas memproses bahan-bahan mentah termasuk habuk kayu dan tanah bakar, mereka akan membungkus dan mengedarkan kepada pelanggan di seluruh Perak dan negeri bersempadan seperti



Khalid (tiga dari kanan) menunjukkan baja pertanian yang dihasilkan di sebuah kilang yang beroperasi tanpa permit sah.

Selangor, Pulau Pinang dan Kedah," katanya pada sidang media di kilang berkenaan semalam.

Menurutnya, seorang

lelaki berusia 57 tahun yang mengaku sebagai pemilik premis serta empat pekerja warga asing ditahan untuk diambil keterangan.

"Daripada aduan awam yang diperolehi, kita dapati wujud aktiviti penyelenggaraan barangan kawalan bersubsidi disimpan dalam

kuantiti yang mencurigakan. Sehubungan itu sebanyak 438 beg baja pelbagai jenama telah disita bagi tujuan siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh dihukum denda tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala hukuman denda tidak melebihi RM2 juta bagi pertubuhan yang melakukan kesalahan tersebut," katanya.

Beliau berkata, bagi tempoh tujuh bulan pertamanya ini, sebanyak dua kes melibatkan barang kawalan baja telah disiasat KPDNHEP Perak dengan jumlah sitaan lebih RM1.37 juta.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak merampas 14,600 kilogram baja bernilai RM20,293 dalam serbuan di sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Pengkalangan di sini kelmarin.

Serban sekitar jam 5 petang itu dilakukan selepas mendapati kilang yang

NORMAWATI ADNAN

IP-0H